

**Pharmaniaga Spironolactone  
Tablet 25 mg  
(Spironolactone 25 mg)**

**Kandungan risalah ini**

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Spironolactone Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Spironolactone Tablet berfungsi
3. Sebelum pengambilan Pharmaniaga Spironolactone Tablet
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Spironolactone Tablet
5. Semasa pengambilan Pharmaniaga Spironolactone
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Spironolactone Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran
11. Tarikh kemaskini RiMUP

**Apakah kegunaan Pharmaniaga Spironolactone Tablet**

Anda mungkin telah berjumpa doktor kerana buku lali anda bengkak atau anda mengalami sesah nafas. Keadaan ini boleh berlaku apabila tindakan mengepam darah oleh jantung anda menjadi lemah kerana terdapat terlalu banyak bendalir dalam badan anda. Masalah ini dipanggil 'kegagalan jantung kongestif'. Ini bermakna jantung anda perlu bekerja dengan lebih kuat untuk

mengedarkan bendalir tambahan ke seluruh tubuh anda. Doktor anda telah memberikan anda Pharmaniaga Spironolactone untuk membantu mengeluarkan bendalir yang berlebihan daripada tubuh anda. Ini dapat mengurangkan kegiatan jantung anda. Bendalir berlebihan akan dikeluarkan melalui air kencing, oleh itu anda mungkin perlu ke tandas lebih kerap apabila anda mengambil Pharmaniaga Spironolactone.

Anda juga boleh mengambil Spironolactone untuk merawat penyakit berikut:

- 'Sindrom Nefrotik' – gangguan buah pinggang yang menyebabkan terdapatnya bendalir berlebihan dalam tubuh anda.
- 'Ascites' – terlalu banyak bendalir dalam abdomen anda dan 'Oedema' – pengumpulan bendalir di bawah kulit atau dalam satu atau lebih banyak rongga badan yang menyebabkan bengkak, contohnya disebabkan oleh sirosis hati.
- 'Aldosteronisme primer' – bendalir berlebihan dalam tubuh anda yang berpunca daripada terlalu banyak hormon 'aldosterone'.

Sekiranya anda menghidap penyakit ini, Pharmaniaga Spironolactone Tablet dapat mengeluarkan bendalir berlebihan daripada tubuh anda.

**Bagaimana Pharmaniaga Spironolactone Tablet berfungsi**

Pharmaniaga Spironolactone Tablet bertindak pada bahagian distal-tubul renal sebagai perencat aldosterone yang berdaya saing. Ia meningkatkan penyingkiran sodium dan air dan mengurangkan penyingkiran potasium. Ia bertindak sebagai diuretik potasium dan juga sebagai ejen anti-hipertensi.

**Sebelum pengambilan Pharmaniaga Spironolactone Tablet**

**Bila tidak boleh mengambil**

- Anda mengalami tindak balas alahan yang luar biasa terhadap spironolactone pada masa lalu.
- Anda menghidap penyakit Addison; (kekurangan hormon yang berpunca daripada keadaan terlalu lemah, berat badan menyusut dan tekanan darah rendah).
- Anda mengalami hiperkalemia (paras kalium darah meningkat).
- Anda tidak boleh buang air kecil.
- Anda menghidap penyakit buah pinggang yang serius.
- Anda sudah pun mengambil ubat lain yang diketahui sebagai Eplerenone, yang sama kegunaannya.
- Anda mengambil tablet air (diuretik penjimat potasium) atau sebarang tambahan potasium.
- Anda menyusukan anak.

### Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Pharmaniaga Spironolactone Tablet jika anda mempunyai:

- Potasium tinggi dalam diet.
- Natrium darah rendah.
- Sirosis hati.
- Mengeluarkan air kencing dalam jumlah yang sedikit.
- Mengidap sakit yang teruk.
- Atau pernah mempunyai asid terlalu banyak dalam badan.
- Bengkak payudara.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

Penggunaan Spiranolactone berserta diet garam kalium yang tinggi dan pengganti garam yang mengandungi kalium boleh mengakibatkan paras kalium dalam darah anda meningkat. Doktor anda mungkin menukar dos Spiranolactone anda sekiranya anda mengambil sebarang ubat yang berikut:

- Perencat ACE, digoxin atau ubat anti-aritmik;
- Lithium, Antipyrine, Colestyramine, Ammonium chloride atau Carbenoxolone;
- Ubat untuk tekanan darah tinggi;
- Diuretik lain;

- Ubat anti-radang bukan steroid (NSAID) seperti aspirin, ibuprofen atau mefenamic.
- Tambahan potasium.
- Noradrenalin.
- Glikosida kardiak, digunakan dalam rawatan kegagalan jantung.
- Anestesia sebahagian atau umum.
- Anti-pyrines, digunakan untuk merawat demam.
- Sekiranya anda akan menjalani pembedahan yang mana anda akan diberi ubat bius, beritahu doktor yang bertugas bahawa anda mengambil Pharmaniaga Spironolactone Tablet.

### **Cara pengambilan Pharmaniaga Spironolactone Tablet**

#### Berapa banyak perlu diambil

Pharmaniaga Spironolactone Tablet perlu diambil sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor. Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti mengenainya. Label farmasi pada bungkusan juga terdapat maklumat ini. Bilangan tablet yang perlu diambil bergantung pada keadaan sakit anda. Ubat ini perlu diambil sekali sehari selepas makan.

#### **Dewasa**

Dos untuk orang dewasa berbeza-beza dari 4 biji tablet hingga 16 biji tablet Pharmaniaga Spironolactone Tablet sehari. Sekiranya anda tidak pasti banyak mana yang perlu diambil,

tanya kepada doktor anda atau ahli farmasi.

#### **Warga Emas**

Doktor anda akan memberi anda dos permulaan yang rendah dan akan meningkatkan dos sedikit demi sedikit mengikut keperluan bagi mendapatkan kesan yang dikehendaki.

#### **Kanak-kanak**

Sekiranya anda memberikan Pharmaniaga Spironolactone Tablet kepada kanak-kanak, bilangan tablet yang diberi bergantung pada berat badan kanak-kanak tersebut. Doktor anda akan menentukan bilangan tablet yang harus diberi.

#### Bila perlu diambil

Doktor anda akan memberitahu anda bila perlu mengambilnya. Baca label pada kotak untuk mengikut arahan doktor anda dengan betul. Sebolehnya, ambil tablet anda pada waktu yang sama setiap hari.

#### Berapa lama perlu diambil

Pharmaniaga Spironolactone Tablet perlu diambil setiap hari untuk mengawal keadaan anda dengan betul.

Teruskan pengambilan Pharmaniaga Spironolactone Tablet selagi doktor anda mengesyorkannya.

#### Jika terlupa mengambil

Anda perlu mengambil ubat anda setiap hari memandangkan rawatan tetap berfungsi lebih baik.

Walau bagaimanapun, sekiranya anda terlupa mengambil dos Pharamaniaga Spironolactone Tablet, ambil dos seterusnya pada waktu yang biasa. Jangan ambil dos berganda sebagai ganti dos yang anda terlupa ambil.

*Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Sekiranya anda terambil dos yang berlebihan, hubungi doktor anda atau jabatan kemalangan dan kecemasan hospital yang terdekat dengan segera. Gejala dos berlebihan ialah anda akan berasa mengantuk, pening, berasa ternyahhidrat dan anda mungkin berasa bercelaru. Anda juga mungkin berasa sakit atau jatuh sakit, mengalami cirit-birit dan ruam pada kulit yang kelihatan seperti bahagian kulit berwarna merah rata disertai benjolan kecil.

Perubahan pada paras sodium dan kalium darah anda mungkin menyebabkan anda berasa lemah dan kulit berasa berdenyut-denyut, mencucuk-cucuk dan kebas dan/atau kekejangan otot tetapi gejala-gejala ini tidak berkemungkinan berkaitan dengan dos berlebihan yang serius.

**Semasa pengambilan Pharamaniaga Spironolactone Tablet**

*Perkara yang perlu dilakukan*

Sila maklumkan doktor anda sekiranya anda mengalami sebarang keadaan yang berikut:

- Sekiranya anda menghidap kencing manis,
- Sekiranya anda mengamalkan diet terhad garam atau menggunakan pengganti garam yang mengandungi potasium,
- Sekiranya anda diberi anestesia dan/atau menjalani pembedahan besar,
- Sekiranya baru-baru ini anda mengalami cirit-birit atau muntah-muntah, atau ternyahhidrat,
- Sekiranya anda tak tolerans terhadap sesetengah jenis gula.

*Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Ubat ini dipreskripsikan untuk anda. Jangan berikannya kepada orang lain. Ubat ini boleh membahayakan mereka walaupun gejala yang mereka hadapi kelihatan sama dengan gejala anda.

Anda tidak boleh menghentikan atau mengubah jadual pengambilan Spironolactone tanpa merujuk kepada doktor anda terlebih dahulu melainkan anda mengalami tindak balas alahan.

*Perkara yang perlu diberi perhatian*

- Anda menghidap penyakit buah pinggang atau hati terutamanya jika anda mengalami peningkatan berbalik dalam darah dalam air kencing anda.
- Anda pesakit yang berusia lanjut atau mengalami kesukaran membuat air kecil, atau menghidap penyakit yang boleh mengakibatkan gangguan imbang elektrolit dalam darah anda.

- Terdapat peningkatan atau pengurangan elektrolit dalam darah anda seperti potasium dan sodium.
- Sekiranya anda menghidap fungsi buah pinggang yang lemah atau kegagalan buah pinggang, anda mungkin mengalami peningkatan serius dalam paras potasium dalam darah anda. Ini boleh menjejaskan cara jantung anda berfungsi dan dalam keadaan yang serius, ini boleh membawa maut.
- Anda mengambil sebarang pil air (diuretik) berserta Pharamaniaga Spironolactone Tablet yang boleh menyebabkan paras sodium rendah (hiponatemia) dalam darah sekiranya anda hamil.

**Kesan-kesan sampingan**

Sebagaimana ubat-ubatan lain, Pharamaniaga Spironolactone Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak pada semua orang.

Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang gejala yang berikut selepas mengambil ubat ini: Walaupun jarang-jarang berlaku, gejala ini boleh jadi serius.

- Kulit rasa gatal dan melepuh di sekitar bibir dan bahagian lain badan (sindrom Stevens-Johnson).
- Kulit dan mata menjadi kuning (demam kuning), Spironolactone

boleh menyebabkan gangguan fungsi hati.

- Denyut jantung tidak tetap yang boleh membawa maut, rasa berdenyut-denyut, lumpuh (hilang fungsi otot) atau kesukaran bernafas; yang mungkin merupakan simptom paras potasium meningkat dalam darah anda.

Doktor anda akan menjalankan ujian darah yang tetap untuk mengawasi paras kalium dan elektrolit yang lain. Beliau mungkin menghentikan rawatan anda jika perlu.

#### *Kesan sampingan lain*

- Rasa loya, sakit perut, demam.
- Berasa bercelaru, pening, mengantuk, sakit kepala, secara amnya berasa tidak sihat.
- Masalah haid pada wanita, impoten sementara pada lelaki.
- Perubahan nafsu seks pada lelaki dan juga wanita (libido).
- Gangguan elektrolit badan seperti kalsium darah tinggi.
- Bilangan sel yang melawan jangkitan didapati berkurang – sel darah putih (leukopenia), bilangan sel yang membawa oksigen (anemia) atau yang membantu pembekuan darah (trombositopenia) didapati berkurang atau bilangan eosinofil dalam darah meningkat, eosinofilia. Ini boleh menyebabkan anda mudah mengalami lebam atau

tanda keunguan pada kulit (purpura).

- Berlaku pembesaran buah dada pada lelaki (gynaecomastia) namun begitu keadaan ini pulih kembali apabila rawatan dihentikan, gumpalan dalam buah dada, sakit buah dada.
- Ruam kulit, rasa gatal yang umum.
- Alahan kulit disertai rasa gatal dan bintat (urticaria), pertumbuhan rambut yang berlebih-lebihan (hipertrikosis).
- Keguguran rambut.
- Rasa lemah atau lesu yang umum, sakit kepala, kejang otot atau kaki dan mengalami masalah koordinasi pergerakan otot (ataxia).
- Kegagalan atau fungsi abnormal buah pinggang.
- Kalium meningkat dalam darah (hiperkalemia).

Sekiranya kesan sampingan makin serius, atau sekiranya anda menyedari terdapat sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor anda atau ahli farmasi.

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan**

##### **Pharmaniaga Spiranolactone**

##### **Tablet**

##### **Penyimpanan**

Pastikan ubat tidak dapat dicapai dan dilihat oleh kanak-kanak.

Jangan gunakan Pharmaniaga Spiranolactone Tablet selepas tamat

tarikh luput seperti yang tercatat pada kotak dan blister. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Jangan simpan pada suhu melebihi 25°C. Simpan tablet anda dalam bungkusan asal. Simpan blister dalam kotaknya. Ini dapat melindungi ubat anda daripada cahaya dan lembapan.

##### **Pelupusan**

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat Lanjut**

##### **Rupa ubat**

Tablet berbentuk bulat dwicembung, berwarna putih dengan tanda 'RMB' garis belahan pada satu bahagian dan rata dibahagian sebelah lagi.

##### **Bahan-bahan kandungan:**

**Pharmaniaga Spiranolactone Tablet 25 mg** mengandungi Spiranolactone 25 mg, Sodium starch glycolate, Talc, Colloidal silicon dioxide, Magnesium stearate, Lactose monohydrate supertab.

##### **Nombor MAL:**

MAL19920522A

**Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan  
Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan  
Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh:** 15 Disember 2011

**Pharmaniaga Spironolactone  
Tablet 25 mg  
(Spironolactone 25 mg)**

**What is in this leaflet**

1. What Pharmaniaga Spironolactone Tablet is used for
2. How Pharmaniaga Spironolactone Tablet works
3. Before you take Pharmaniaga Spironolactone Tablet
4. How to take Pharmaniaga Spironolactone Tablet
5. While you are taking Pharmaniaga Spironolactone Tablet
6. Side effects
7. Storage and Disposal of Pharmaniaga Spironolactone Tablet
8. Product Description
9. Manufacturer
10. Marketing Authorisation Holder
11. Date of Revision

**What Pharmaniaga Spironolactone Tablet is used for**

You may have gone to your doctor because you had swollen ankles or were short of breath. This can happen when your heart's pumping action has become weak because of too much fluid in your body. This is called 'congestive heart failure'. Pushing extra fluid around your body means your heart has to work harder. Your doctor has given you

Pharmaniaga Spironolactone Tablet to help you lose the extra fluid from your body. This will mean your heart has to do less work. You lose the extra fluid as urine, so you may need to go to the toilet more often while you are taking Pharmaniaga Spironolactone.

You can also take Pharmaniaga Spironolactone Tablet for the following illnesses:

- 'Nephrotic syndrome' - a kidney disorder that causes too much fluid in your body.
- 'Ascites' - too much fluid in your abdomen, for example caused by cirrhosis of the liver.
- 'Primary aldosteronism' - extra fluid in your body caused by too much of a hormone called 'aldosterone'.

If you have these illnesses, Pharmaniaga Spironolactone Tablet will help your body to get rid of the extra fluid.

**How Pharmaniaga Spironolactone Tablet works**

Pharmaniaga Spironolactone Tablet acts on the distal portion of the renal tubule as a competitive inhibitor of aldosterone. It thus increases sodium and water excretion and reduces potassium excretion. It acts both as potassium-sparing diuretic and as anti-hypertensive agent.

**Before you take Pharmaniaga Spironolactone Tablet**

**When you must not take it**

- You have had an unusual or allergic reaction to Pharmaniaga Spironolactone Tablet in the past.
- You have Addison's disease; (a hormone deficiency characterised by extreme weakness, loss of weight and low blood pressure).
- You have hyperkalaemia (raised blood potassium levels).
- You cannot pass urine.
- You have severe kidney disease.
- You are already taking another similar use drug known as Eplerenone.
- You are taking water tablets (potassium sparing diuretics) or any potassium supplements.
- You are breast-feeding.

**Before you start to take it**

Check with your doctor or pharmacist before taking Pharmaniaga Spironolactone Tablet if you have:

- A diet high in potassium.
- Low blood levels of sodium.
- Liver cirrhosis.
- Been passing small amounts of urine.
- A severe illness.
- Or have ever had too much acid in the body.

- Swollen breasts.

Taking other medicines

Please tell your doctor if you are taking or have recently taken any other medicines, including medicines obtained without prescription. The use of Spiranolactone with high potassium salt diet and salt substitutes containing potassium may lead to increased levels of potassium in your blood. Your doctor may wish to alter your dose of Pharmaniaga Spiranolactone Tablet if you are taking any of the following:

- ACE inhibitors, digoxin or other anti-arrhythmic medicines.
- Lithium, Antipyrine, Colestyramine, Ammonium chloride or Carbenoxolone.
- Medicines for high blood pressure.
- Other diuretics.
- Non-steroidal anti-inflammatory drug (NSAID) such as Aspirin, Ibuprofen or Mefenamic.
- Potassium supplements.
- Noradrenaline
- Cardiac glycosides, used in the treatment of heart failure.
- Regional or general anaesthesia.
- Anti-pyrines, used to reduce fever.
- If you are going to have an operation where you will be given an anaesthetic, tell the doctor in charge that you are taking

Pharmaniaga Spiranolactone Tablet.

**How to take Pharmaniaga Spiranolactone**

How much to take

Always take Pharmaniaga Spiranolactone Tablet exactly as your doctor has told you. You should check with your doctor or pharmacist if you are not sure. The pharmacist's label on the pack also gives this information. The number of tablets you need to take depends on your illness. This medicine should be taken once a day with food.

**Adults**

The adult dose varies from 4 tablets to 16 tablets of Pharmaniaga Spiranolactone Tablet a day. If you are not sure how much to take, ask your doctor or pharmacist.

**Elderly**

Your doctor will start you on a low starting dose and gradually increase the dosage as needed to obtain the desired effect.

**Children**

If you are giving Pharmaniaga Spiranolactone Tablet to a child, the number of tablets you give will depend on the child's weight. Your doctor will work out the number of tablets that you should give.

When to take it

Your doctor will tell you when to take it. Read the label on the carton to follow exactly what your doctor has told you. Try to take your tablet at the same time each day.

How long to take it

To properly control your condition, Spiranolactone must be taken every day.

Keep taking Pharmaniaga Spiranolactone Tablet for as long as your doctor recommends.

If you forget to take it

It is important to take your medicine every day as regular treatment works better.

However, if you forget to take a dose of Pharmaniaga Spiranolactone Tablet, take the next dose at the usual time. Do not take a double dose to make up for a forgotten dose.

If you take too much (overdose)

If you accidentally take too many tablets, contact your doctor or nearest hospital accident and emergency department immediately. The symptoms of an overdose are feeling drowsy, dizzy, feeling dehydrated and you may feel confused. You may also feel or be sick, suffer from diarrhoea and may have skin rashes that will appear as flat red

areas of skin with overlapping small raised bumps.

Changes in your blood sodium and potassium levels may leave you feeling weak and suffering from tingling, prickling or numbness of the skin and/or muscle spasms but these symptoms are unlikely to be associated with severe over dosage.

### **While you are taking Pharmaniaga Spironolactone Tablet**

#### **Things you must do**

Please inform your doctor if the following applies to you:

- If you have diabetes,
- If you are on a salt restricted diet or use salt substitutes which contain potassium,
- If you are to undergo anaesthesia and/or major surgery,
- If you have recently suffered from diarrhoea or vomiting, or are dehydrated,
- If you have an intolerance to some sugars.

#### **Things you must not do**

This medicine has been prescribed for you. Do not pass it on to others. It may harm them, even if their symptoms are the same as yours.

Unless you develop an allergic reaction you must not stop or change the schedule of taking Pharmaniaga Spironolactone Tablet without consulting your doctor.

#### **Things to be careful of**

- You suffer from kidney or liver disease particularly if you have experienced reversible increases in blood in your urine.
- You are an elderly patient or have difficulty passing urine, or have a disease that can result in electrolyte balance disturbance in your blood.
- You suffer from any increase or decrease of electrolytes in your blood such as potassium or sodium hydrochloride.
- If you experience reduced kidney function or kidney failure you may have severe increases in the levels of potassium in your blood. This can affect the way your heart functions and in extreme cases this can be fatal.
- You are taking any other water tablets (diuretics) in combination with Pharmaniaga Spironolactone Tablet which may cause low sodium levels (hyponataemia) in the blood you are pregnant.

#### **Side effects**

Like all medicines, Pharmaniaga Spironolactone Tablet can cause side-effects although not everybody gets them.

Tell your Doctor immediately if you experience any of the following symptoms after taking this medicine. Although they are very rare, the symptoms can be severe.

- Itchiness and blistering of the skin around the lips and the rest of the body (Stevens-Johnson syndrome).
- Yellow skin and eyes (jaundice), Pharmaniaga Spironolactone Tablet can cause impairment of liver function.
- Irregular heartbeat that can be fatal, tingling sensation, paralysis (loss of muscle function) or difficulty in breathing; which may be symptoms of raised potassium levels in your blood.

Your doctor will conduct regular blood tests to monitor potassium and other electrolyte levels. He or she may stop your treatment if necessary.

#### **Other side effects**

- Nausea, stomach upset, fever.
- Confusion, dizziness, drowsiness, headache, feeling generally unwell.
- Menstrual problems in women, temporary impotence in men.
- Change in sex drive for both men and women (libido).
- Disturbances in body electrolytes such as high blood calcium.
- Reduced number of cells that fight infection - white cells (leukopenia), reduced number of cells carrying oxygen (anaemia) or that help with

clotting (thrombocytopenia) or increased eosinophil count in the blood, eosinophilia. This may cause you to bruise more easily or cause purple spots on the skin (purpura).

- Breast enlargement in men (gynaecomastia), this goes away when treatment is stopped, breast lumps, breast pain.
- Skin rash, generalised itchiness.
- Skin allergy with development of itchiness and weals (urticaria), excessive hair growth (hypertrichosis).
- Hair loss
- General weakness or lethargy, headaches, muscle or leg cramps and problems coordinating muscle movements (ataxia).
- Kidney failure or abnormal function.
- Raised Potassium in the blood (hyperkalemia).

If any of the side effects gets serious, or if you notice any side effects not listed in this leaflet, please tell your doctor or pharmacist.

**Storage and Disposal of Pharmaniaga Spiranolactone Tablet**

**Storage**

Keep out of the reach and sight of children.

Do not use Pharmaniaga Spiranolactone Tablet after the expiry date which is stated on the carton and the blister strip. The expiry date refers to the last day of that month.

Do not store above 25°C. Store your tablets in the original package. Keep the blister strip in the carton. This will protect your medicine from light and moisture

**Disposal**

Medicines should not be disposed of via wastewater or household waste. Ask your pharmacist how to dispose of medicines no longer required. These measures will help to protect the environment.

**Product Description**

**What it looks like**

A white, round, biconvex tablet, with 'RMB' breakline on one side and plain on the other.

**Ingredients:**

**Pharmaniaga Spiranolactone Tablet 25 mg** contains Spiranolactone 25 mg, Sodium starch glycolate, Talc, Colloidal silicon dioxide, Magnesium stearate, Lactose monohydrate supertab.

**MAL NO:**

MAL19920522A

**Manufacturer:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Marketing Authorisation Holder:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Date:** 15<sup>th</sup> December 2011